

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN TONY PUA KIAM WEE
[DAMANSARA]**

TARIKH : 04 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN TONY PUA KIAM WEE [DAMANSARA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada dalam perjanjian penyelesaian antara 1MDB dan IPIC pada tahun 2017, segala obligasi pembayaran pokok dan faedah pinjaman bon sebanyak US\$3.5 bilion akan ditanggung oleh Kerajaan Malaysia. Adakah tuntutan untuk membatalkan perjanjian tersebut di mahkamah London akan diteruskan.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan perjanjian penyelesaian antara 1MDB dengan IPIC pada tahun 2017, segala obligasi berhubung dengan bayaran pokok dan faedah pinjaman terletak kepada tanggungan Kerajaan Malaysia. Pada masa ini, Kerajaan sedang meneruskan tindakan undang-undang untuk membatalkan perjanjian tersebut di Mahkamah di London, United Kingdom. Namun prosiding ini mengambil masa kerana terdapat pelbagai tuntutan balas serta permohonan interlokutori yang difailkan oleh kedua-dua pihak sehingga ke peringkat mahkamah tertinggi.

2. Walau bagaimanapun, Kerajaan bersedia berunding untuk mempertimbangkan apa-apa bentuk penyelesaian sekiranya terdapat tawaran yang menguntungkan Kerajaan apabila diimbangkan antara penyelesaian dengan prosiding litigasi yang berlarutan.

Sekian, terima kasih.